

## **TEORI DAN KAEDAH ANALISA TERHADAP NILAI APRESIASI MOTIF REKA CORAK TRADISIONAL MELAYU: SATU PERBANDINGAN UMUM**

### ***THEORIES AND METHODS IN ANALYSING TRADITIONAL MALAY MOTIF DESIGNS: AN OVERVIEW COMPARISON***

**Mohammed Iqbal Badaruddin<sup>1</sup>**

Jab. Seni Visual, Pusat Kebudayaan, Inst. Pengajian Siswazah, Universiti Malaya  
(Email: m\_iqbal850@yahoo.com / iqbal688@kelantan.uitm.edu.my)

**Simon Soon<sup>2</sup>**

Jab. Seni Visual, Pusat Kebudayaan, Universiti Malaya  
(Email: simonsoon@um.edu.my)

**Luqman Lee<sup>3</sup>**

Jab. Seni Visual, Pusat Kebudayaan, Universiti Malaya  
(Email: luqlee@um.edu.my)

**Zaimie Sahibil<sup>4</sup>**

Program Teknologi Seni Visual,  
Fakulti Kemanusiaan, Seni & Warisan, Universiti Malaysia Sabah  
(Email: affymie@ums.edu.my)

**Muhammad Luqman Ibnul Hakim Mohd Saad<sup>5</sup>**

Akademi Pengajian Bahasa, UiTM Caw. Kelantan  
(Email: luqman701@kelantan.uitm.edu.my)

**Accepted date:** 14-04-2019

**Published date:** 10-07-2019

**To cite this document:** Badaruddin, M. I., Soon, S., Lee, L., Sahibil, Z., & Saad, M. L. I. H. M. (2019). Teori dan Kaedah Analisa Terhadap Nilai Apresiasi Motif Reka Corak Tradisional Melayu: Satu Perbandingan Umum. *International Journal of Heritage, Art and Multimedia*, 2(5), 56-71.

**DOI:** 10.35631/ijham.25005

---

**Abstrak:** Keunikan reka corak motif tradisional Melayu sentiasa mendapat pelbagai respon daripada audiens sama ada dengan cara menghargai, melestarikan, ataupun mendokumentasi. Kajian ini adalah mengenai rujukan terhadap beberapa teori dan kaedah yang digunakan dalam menilai sesebuah reka corak motif tradisional yang dihasilkan dalam alam Melayu. Teori dan kaedah yang dijadikan sebagai rujukan dilihat mampu membantu sesebuah kajian dalam menilai dan membuat interpretasi terhadap reka corak motif tersebut. Namun, wujud perbincangan tentang bagaimana sesebuah rekaan motif dinilai terutama kajian berbentuk kualitatif. Penyelidik membuat temubual berpanduan am terhadap beberapa orang pandai ukir dan ahli akademik yang terpilih sebagai proses mengumpul data primer. Manakala, proses mengumpul data sekunder adalah melalui rujukan penulisan ilmiah seperti majalah, buku, dan jurnal-jurnal yang mengkaji tentang keunikan reka corak motif tradisional Melayu. Kajian ini dapat memberi gambaran kepada penyelidik dalam merujuk beberapa teori sebagai kaedah untuk menganalisa sesebuah rekaan motif yang dihasilkan. Walau bagaimanapun, teori dan kaedah tersebut perlu mengikut kesesuaian kajian sama ada dalam bentuk kualitatif

ataupun kuantitatif. Analisa terhadap motif tersebut juga bergantung kepada skop kajian oleh penyelidik sama ada untuk membuat interpretasi, membuat persamaan dan perbandingan, ataupun mengkaji nilai budaya yang terdapat pada sesebuah motif.

**Kata kunci:** Teori Dan Kaedah Analisa Interpretasi, Deskriptif Dan Makna, Garis Panduan, Reka Corak Motif Tradisional Melayu

**Abstract:** *The uniqueness of the traditional Malay pattern of motifs has always received various responses from the audience either by appreciating, preserving, or documenting. This study is about the reference to some theories and methods used in evaluating a traditional pattern design created in the Malay world. The theories and methods used as references can help a study in evaluating and interpreting the pattern of the motif designs. However, there was a discussion on how a motif design was evaluated specially in qualitative study. The researcher used general guided interviews with some of the craftsmen and selected academicians as the process of collecting primary data. Meanwhile, the process of collecting secondary data is through scientific writing such as magazines, books, and journals that examine the uniqueness of the traditional Malay motif design. This study can illustrate the researcher in referring several theories as a method in analyzing motif design. However, the theories and methods should be based on the suitable research whether using qualitative or quantitative method. An analysis of the motif also depends on the scope of the research by the researchers whether to interpret, to make similarities and to compare, or to examine the cultural values found in a motive.*

**Keywords:** *Theory and Methods of Interpretation, Analysis of Descriptive and Meaning, Guidelines, Design in Tradisional Malay Motif and Patterns*

---

## **Pengenalan**

Berdasarkan pemerhatian umum, terdapat beberapa teori dan juga kaedah dalam menilai sesebuah motif reka corak tradisional sebagai garis panduan untuk seseorang penyelidik membuat interpretasi. Namun, penulis melihat adakah teori yang digunakan sesuai dengan sesebuah kajian berbentuk kualitatif yang berkaitan dengan disiplin seni terutama dalam bidang warisan dan kraftangan. Antara teori-teori yang dijadikan sebagai rujukan dan garis panduan adalah seperti ikonografi, semiotik, falsafah dan kritikan seni, konsep keindahan dalam seni Islam, *semantic differential*, *KJ method*, dan 6 prinsip seni kraf tradisional Melayu.

Motif reka corak tradisional di Malaysia merujuk kepada hasil kraftangan yang dihasilkan oleh golongan pandai kraf sebagai subjek kajian secara menyeluruh. Umumnya, motif reka corak tradisional yang dinilai adalah hasil kraf dan warisan seni ukiran kayu, seni reka tekstil dan fabrik, seramik, dan seni logam halus. Namun, berdasarkan temu bual dengan beberapa orang pandai ukir, hasil reka corak motif yang diukir tidak merujuk kepada mana-mana teori tetapi kaedah penilaian sesebuah motif adalah berdasarkan dari pemerhatian, pengalaman, pengajaran, dan pembelajaran tidak formal dengan guru masing-masing. Walau bagaimanapun, fokus utama penulisan ini adalah untuk mengenal pasti teori-teori tertentu yang selalu dirujuk sebagai garis panduan dan kaedah dalam membuat penilaian estetik, apresiasi, atau kritikan seni. <sup>1</sup>Contohnya, penulisan dari Norzehan yang menghujahkan tentang penilaian estetik ukiran kayu tradisional Melayu. Selain dari idea dan falsafah

---

<sup>1</sup> Norzehan et al (2009), Seni Kraf Kayu: Motif dan Teknik, Institut Kraf Negara, Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia, Kementerian Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, KL, Malaysia, hlm 3-4.

seseorang pandai ukir seperti persekitaran dan kepercayaan, penilaian estetik motif ukiran juga dinilai dari segi keindahan ukiran, konsep, komposisi, pemilihan bahan, teknik, dan kekemasan.

### **Kaedah Kajian**

Penulis menggunakan kaedah kajian kualitatif iaitu melalui temu bual dan pengumpulan data sekunder. Proses temu bual dijalankan melalui perjumpaan dan perbincangan dengan ahli akademik dan adiguru pandai kraf manakala pengumpulan data sekunder adalah berdasarkan dari buku ilmiah, tesis disertasi, dan penulisan jurnal yang telah diterbitkan. Hasil dapatan pengumpulan data sekunder ini seterusnya dinilai melalui sorotan kajian. Instrumen yang digunakan untuk membantu memudahkan hasil carian adalah melalui perisian *Mendeley*.

### ***Falsafah dan Kritikan Seni***

<sup>2</sup>Menurut Endang Saifuddin (1982), terdapat beberapa cabang ilmu dalam falsafah seperti metafizik, logik, etik, estetik, epistemologi, dan falsafah khusus. <sup>3</sup>Penulisan dari Stone dan Schneider (1971) pula menjelaskan bahawa bidang falsafah telah dikategorikan kepada falsafah tradisional dan falsafah moden. Falsafah tradisional adalah Idealisme dan Realisme manakala falsafah moden dikategorikan kepada dua bahagian iaitu Pragmatisme dan Eksistensialisme. Namun, dalam konteks falsafah seni, terdapat beberapa elemen penting seperti sejarah seni, aspek formalistik, dan kritikan seni. Falsafah seni diertikan sebagai satu nilai kemahiran, pertukangan, atau kebolehan yang mengutamakan sensitiviti pada persekitaran, kehalusan, keindahan, dan nilai estetik yang tinggi.<sup>4</sup> Muliyadi (2016) menjelaskan bahawa karya seni tidak semestinya mengenai emosi dan ekspresi tetapi berkait dengan persoalan seni yang kompleks. Ia juga dikaitkan dengan isu-isu menyelesaikan permasalahan formal seni itu sendiri kerana seni untuk seni. <sup>5</sup>Oleh itu, Otto Ocvirk (2008) menyatakan aspek formalistik dalam bidang seni visual dibahagikan kepada 3 bahagian utama iaitu Bentuk, Subjek, dan Makna. <sup>6</sup>Penelitian terhadap bentuk dan makna berintergrasi dengan sesebuah karya iaitu dari segi period, sejarah, dan kebudayaan. <sup>7</sup>Ragans (2005) menyatakan bahawa terdapat 4 peringkat apabila membuat kritikan seni iaitu:

- ***Diskripsi atau pemerian***
- ***Interpretasi atau penterjemahan***
- ***Analisa***
- ***Penilaian atau judgement***

Kaedah ini juga dipersetujui dan digunakan untuk proses analisa terhadap karya seni <sup>8</sup>(Muliyadi, 2001) dan reka corak motif tradisional fabrik Melayu <sup>9</sup>(Rasid, 2012 & 2016). <sup>10</sup>Menurut Muliyadi (1994), seorang pengkritik perlu mengambil kira aspek benda, komposisi, dan kandungan karya menerusi strategi terancang kerana ia melibatkan **diskripsi, analisa, interpretasi, dan pertimbangan**. Kritikan seni ini boleh diterbitkan dalam bentuk penulisan ilmiah untuk pengetahuan para pengkarya dan audiens.

<sup>2</sup> Hj. M. Ali Ab Rahman (2004), Falsafah Seni dan Estetik, merujuk penulisan dari Endang Saifuddin A. (1982), tentang cabang ilmu falsafah dlm buku Sains Falsafah & Agama, DBP, KL, hlm 6

<sup>3</sup> Johari Ab Hamid (2004), Falsafah dan Kritikan Seni, UPSI, Tg. Malim, Perak. Hlm 20-30.

<sup>4</sup> Muliyadi Mahamood (2016), Ruzaika Omar Basaree Dlm Konteksnya: Transformasi Tradisi Dlm Seni Kontemporari, buku pameran Ruzaika Omar Basaree: Simbiosis Keharmonian Seni Tradisional & Seni Digital Kontemporari, Balai Seni Visual Negara, LPVSN, KL.

<sup>5</sup> Otto Ocvirk et al (2008), Art Fundamentals: Theory & Practice (11<sup>th</sup> Edition), McGraw-Hill Education, NY, USA.

<sup>6</sup> Muliyadi Mahamood (1993) Mendekati Seni Lukis dan Seni Reka. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

<sup>7</sup> Rosalind Ragans (2005), Art Talk (4<sup>th</sup> Edition), Glencoe/McGraw-Hill, Woodland Hills, CA, USA.

<sup>8</sup> Muliyadi Mahamood (2001), Seni Lukis Moden Malaysia: Era Perintis hingga Era Pluralis. Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors Sdn Bhd.

<sup>9</sup> Rasid Ismail dan Ahmadrashidi Hasan (2012), Keindahan Dalam Reka Bentuk Motif Seni Hiasan Fabrik Tradisional Melayu, hlm 4.

<sup>10</sup> Muliyadi Mahamood, 1993. Mendekati Seni Lukis dan Seni Reka. DBP, KL

Antara contoh penulisan yang merujuk falsafah dan kritikan seni adalah penulisan artikel dari Liza Marziana (2015:4) dan Shaliza Dasuki (2017:3-6) yang membuat analisa formalistik mengenai simbol budaya Melayu terhadap 4 karya catan terpilih dan perkembangan animasi di Malaysia. <sup>11</sup>Liza merujuk 4 karya catan yang dihasilkan pada tahun <sup>12</sup>1978, 1983, 1999, dan 2001. Karya catan yang memaknai simbol budaya Melayu ini menyelitkan reka corak motif tradisional pada kain batik, kain sarung, sejadah, tikar mengkuang, tembikar, dan dinding rumah tradisional Melayu selain seni figuratif dalam karya Amron Omar.

Karya catan yang dihasilkan ini merujuk kepada Kongres Kebudayaan Kebangsaan 1971. <sup>13</sup>Menurut hujahan dari Mulyadi (2001), terdapat 3 tema utama yang memfokuskan minat yang cenderung terhadap bidang seni di Malaysia berdasarkan garis panduan KKK '71, iaitu kesenian tradisional masyarakat tempatan, tema seni Islam dan minat terhadap seni kontemporari Barat (Mulyadi, 2010 dan Shaliza et al, 2017). Maka, karya catan yang dipilih oleh Liza untuk membuat analisa lebih cenderung kepada kesenian tradisional Melayu walaupun mempunyai tema tertentu iaitu buah-buahan tempatan (1978), seni silat Melayu (1983), seni hiasan rumah tradisi Melayu (1999), dan majlis menimang cahaya mata di kampung (2001). Liza bukan sahaja menilai keunikan motif tradisional yang dihasilkan pada setiap karya tetapi menilai dari segi kesinambungan tema karya tersebut yang sesuai dengan gagasan KKK 1971.

Pada pandangan penulis, Liza sepatutnya memilih karya yang lebih signifikan dan memberi impak dalam perkembangan sejarah seni lukis moden di Malaysia. Apatah lagi fokus penulisan beliau adalah mengenai makna simbol Melayu di Malaysia. Contohnya, pemilihan karya pada dekad 1970an yang dihasilkan oleh Ruzaiqa Omar Basaree dalam Siri Dungun (1979) ataupun karya batik *painting* oleh Chua Tean Teng dalam Musim Buah (1969) atau *East Cost Two* (1978) oleh Khalil Ibrahim. Oleh itu, pemilihan karya catan pada dekad 1980an mengenai makna simbol Melayu yang lebih sesuai adalah karya seperti Syed A. Jamal dalam Siri Pinang (1982-1986) ataupun karya catan oleh Hashim Hassan dalam Burung Dajal Mengganas Lagi (1987).

<sup>14</sup>Berbeza dengan Rasid Ismail (2016) yang hanya merujuk kepada 4 peringkat kajian kualitatif dalam menilai dan menginterpretasi seni reka motif hiasan fabrik tradisional Melayu. Hal ini kerana objektif utama penulisan tersebut lebih memfokuskan kepada manifestasi dan ekspresi keindahan alam yang terdapat pada subjek kajian seperti sejarah, proses pembuatan dan bahan, serta perkembangan dan kepentingan fabrik Melayu di Malaysia pada masa akan datang.

---

<sup>11</sup> Liza Marziana, Hamdzun Haron, Abdul Latif Samian, Ahmad Rashidi Hasan dan Jasni Dolah (2015), Analisis Formalistik Dalam Memaknai Simbol Budaya Melayu Abstrak, ResearchGate, dapatan dari <https://www.researchgate.net/publication/290867518>, hlm 4.

<sup>12</sup> Liza (2015) merujuk kepada karya catan bertajuk *Fruit Season* (Chua Thean Teng), Potret Diri (Amron Omar), *House of Flowers*; *House of Harmony* (Mastura Ab. Rahmana) dan *Kampung Life* (Yeong Siak Leng).

<sup>13</sup> Mulyadi (2010) dan Shaliza (2017) merujuk penulisan dari Mulyadi Mahamood (2001), Seni Lukis Moden Malaysia dalam konsep kartun atau komik dari zaman pra merdeka hingga era pluralis. Lukisan komik tersebut diinspirasi dari komik luar negara namun dihasilkan berdasarkan budaya masyarakat tempatan di Malaysia seperti Warta Jenaka, Bujal, Gila-Gila, Ujang etc.

<sup>14</sup> Rasid Ismail et al (2016), Alam Sebagai Sumber Reka Bentuk Motif-Motif Seni Hiasan Fabrik Masyarakat Melayu, proceeding ISME, FSSR UiTM Melaka.hlm 99



**Gambarajah 01: Salah Satu Lukisan Kartun  
Yang Dikaji Tentang Pakaian Tradisi.**

Sumber Rujukan Dari Shaliza Dasuki (2017:8)

<sup>15</sup>Manakala Shaliza (2017) membincangkan peristiwa penting yang berlaku pada zaman pra merdeka dan pasca merdeka melalui perkembangan lukisan kartun atau komik yang diterbitkan dalam Warta Jenaka, Utusan Zaman dll. Melalui kajian sejarah seni, Shaliza menilai sosio-budaya Melayu-Arab dan sosio-ekonomi pada zaman tersebut berpandukan pada reka corak motif yang terdapat pada pakaian serta gaya bahasa yang ditulis. Lukisan kartun yang terpilih ini dikaji menggunakan kaedah analisa formalistik, diskripsi tema dan interpretasi konteks/konsep. Kaedah tersebut membantu Shaliza dalam mengenalpasti gaya lukisan kartun di Malaysia yang dipengaruhi gaya lukisan dari barat selain memahami gagasan menuntut kemerdekaan dikalangan masyarakat Melayu.

***Iconografi***

Teori ikonografi adalah antara teori yang popular dan umum dalam kalangan penyelidik yang membuat kajian berkaitan dengan seni warisan dan kraftangan. Teori ini merupakan cabang dari sejarah seni dan ia adalah satu gagasan yang mula diperkenalkan oleh Aby Warburg dan Erwin Panofsky dan kemudiannya diteruskan oleh pelajar mereka. <sup>16</sup>Panofsky dalam bukunya bertajuk *Meaning in The Visual Art* (1955) menggariskan kepada 3 peringkat dalam menilai sesebuah karya seni iaitu:

***Peringkat asas:*** Menilai melalui bentuk karya sama ada catan, lukisan, seni cetak, atau arca. Selain itu, penilaian asas juga terarah kepada elemen dan prinsip seni seperti garisan, jalinan, warna, rupa, pengulangan, kepelbagaian, penegasan, kontra dll.

***Peringkat ikonografi:*** Peringkat ini menekankan kepada ikon atau imej yang dilukis sama ada dapat dikenalpasti oleh audiens dalam kelompok yang tersendiri. Ikon atau imej yang dilukis memberi pelbagai reaksi dan maksud tertentu kepada audiens. Malah, ikon atau imej

---

<sup>15</sup> Shaliza Dasuki dan lain-lain (2017) memetik beberapa lukisan kartun karya S.B Ally (1938) dan Ali Sanat (1940) dalam History of Malay Editorial Cartoons: 1930s-1993 oleh Mulyadi M (2004), dapatan dari <https://www.researchgate.net/publication/319351801>, hlm 5

\*Gambarajah 01 : Merujuk ilustrasi hasil lukisan kartun bertajuk Wak Ketok Sudah Kena Anu dlm Utusan Zaman (3 Mac 1940). Sumber dari The History of Malay Editorial Cartoons (1930s – 1993) oleh Mulyadi Mahamood (2004).

<sup>16</sup> Anne D'Alleva (2005), Methods & Theories of Art History, Chapter 2: Iconography & Iconology, Laurence King Pub, UK, hlm 20-27.

yang dihasilkan boleh dilukis dengan *style* (gaya) tertentu mengikut potensi seseorang pelukis.

**Peringkat ikonologi:** Seterusnya, peringkat ikonologi atau maksud sama ada secara jelas (tersurat) ataupun secara tidak langsung (tersirat). Ia menekankan para audiens membuat pengamatan dan interpretasi secara deskriptif berdasarkan latarbelakang seni masing-masing seperti tema dan maksud disebalik tajuk karya tersebut.

Terdapat beberapa contoh penulisan ilmiah yang merujuk teori ikonografi dalam menilai reka corak motif tradisional. <sup>17</sup>Zulkifli Yusoff (2016) menggunakan teori ikonografi dan prinsip estetik Melayu oleh Zakaria Ali dalam menilai dan membuat interpretasi terhadap kesenian <sup>18</sup>kukuran Melayu tradisional. Menurut beliau, nilai fuguratif dan motif tumbuhan sering digambarkan oleh pandai kraf Melayu memandangkan ia boleh diaplikasi kepada kukuran yang berbentuk haiwan. Dari segi konsep, Zulkifli dapat menilai komposisi ruang, posisi, dan reka corak motif ukiran yang mengutamakan elemen keseimbangan, pengulangan, and harmoni.

<sup>19</sup>Farit Azamuddin (2018) dan Nelson Dino (2018) masing-masing menggunakan konsep ikonografi dalam penulisan Ijazah Sarjana Sastera dalam membuat analisa terhadap senjata tradisional suku kaum di Sabah. Farit menganalisa reka corak motif pada parang Bajau Sama di Kota Belud manakala Nelson menganalisa keunikan reka bentuk parang Barung oleh masyarakat Suluk di Sabah.<sup>20</sup> Namun, berbeza dengan Mohd Nazzri (2016) yang merujuk prinsip estetik Melayu dalam penulisan Ijazah Doktor Falsafah memandangkan kesesuaian topik kajian beliau yang menjurus kepada melestarikan falsafah seni ukiran Melayu di Malaysia. <sup>21</sup>Sugeng Riyanto (2016) juga merujuk konsep ikonografi untuk menilai motif reka corak batik yang merujuk unsur dekoratif candi dan arca di Prambanan. Hal ini kerana terdapatnya unsur arkeologi dan deskriptif pada kesenian dekorasi arca timbunan pada candi di Prambanan dan candi-candi yang terdapat disekitarnya. Sugeng membahagikan 6 bahagian untuk mengenal pasti jenis ornamen pada bangunan candi iaitu nama candi, agama, nama bangunan, hiasan, kod, dan nama ornamen.

Manakala, <sup>22</sup>Nurul Syazlina (2016) menganalisa pintu gerbang tradisional Kelantan dengan menggunakan teori Ikonografi dan 6 prinsip estetik Melayu untuk memahami perkembangan sejarah dan mengenal pasti elemen visual, bentuk, dan makna pada reka corak motif. Ia merangkumi 6 bahagian utama iaitu nama atau jenis motif, ilustrasi, *outline* motif, makna, catatan, dan sampel. Motif yang dikenalpasti kemudiannya akan diektrak dengan *outline* hitam. Nurul kemudiannya menginterpretasi motif tersebut berdasarkan analisa menggunakan kombinasi teori dari Panofsky dan Zakaria Ali. <sup>23</sup>Rujuk gambarajah 01.

---

<sup>17</sup> Zulkifli M.Yusoff et. al (2016), The Ornamental Design of Traditional Malay Utensils (Kukuran) in Peninsula Malaysia, open source journal, SHS Web of Conferences 23, 0 00 (201 ), EDP Science 2016, dapatan dari <http://dx.doi.org/10.1051/shsconf/20162301004>, hlm 4.

<sup>18</sup> Nota: Kukuran tradisional Melayu merupakan sejenis alat yang digunakan oleh masyarakat Melayu untuk mengikis isi kelapa. Saiz kukuran biasanya dalam anggaran 2kaki x 1kaki dan dihiasi dengan reka corak motif ukiran.

<sup>19</sup> Farit A. Musa (2018), Bentuk dan Motif Pada Senjata Tradisional Masyarakat Bajau Sama di Kota Belud, Sabah, tesis Ijazah Sarjana Sastera, Fakulti Kemanusiaan, Seni & Warisan, UMS, K.Kinabalu, Sabah.

<sup>20</sup> Mohd Nazzri Ahmad (2016), Falsafah Seni Ukiran Kayu Melayu, tesis Ijazah Doktor Falsafah, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, KL.

<sup>21</sup> Sugeng Riyanto (2016), BATIK CANDI: Motif Batik Bersumber Pada Unsur Dekoratif Candi dan Arca di Prambanan dan Sekitarnya, Jurnal Widya Prabha, 05/V/2016 1, Yogyakarta, Indonesia, hlm 42.

<sup>22</sup> Nurul Syazlina M.Yusof et al (2016), Traditional Kelantanese Portals: A Study of Form and Content, INTI- Jurnal Perintis Pendidikan, jilid 21 (bil.01) Jan – Jul 2016, FSSR, UiTM, S.Alam, hlm 43.

<sup>23</sup> *ibid*

Sebanyak 5 buah pintu gerbang tradisional Kelantan telah dipilih untuk kajian ini. Dari 5 buah pintu gerbang tradisional ini, Nurul telah mengenal pasti 4 elemen utama yang terdapat pada pintu-pintu gerbang tersebut iaitu elemen yang menggunakan motif flora, motif fauna, motif kaligrafi, dan motif kosmik. Tujuan utama kajian terhadap pintu gerbang ini adalah untuk mengenal pasti nilai-nilai sejarah yang terdapat pada kerabat diraja Kelantan, nilai ketahanan kayu, pengaruh yang berasal dari gaya Patani-Langkasuka, selain struktur bentuk, elemen visual, serta makna motif.

Berdasarkan dari beberapa kajian penulisan yang merujuk kepada teori ikonografi diatas, penulis mengandaikan bahawa kaedah menganalisa menggunakan teori ini sahaja tidak cukup untuk seseorang pangkaji membuat interpretasi dan perlu disokong dengan teori lain seperti teori dari Zakaria Ali. Dengan merujuk kepada kedua-dua teori ini, analisa terhadap motif yang dikaji adalah lebih menyeluruh dan lebih jelas berbanding dengan hanya merujuk kepada sebuah teori sahaja.

Secara umumnya, kaedah menggabungkan dua teori tersebut merupakan antara kaedah yang popular terutamanya apabila membuat analisa dan interpretasi terhadap hasil seni krat masyarakat Melayu sehingga kini. Antaranya kajian penulisan dari Dayang Nadia dan Humin Jusilin (2017) yang mengkaji tentang peralatan budaya dan makan sireh ‘Selapa’ dalam masyarakat Bajau Sama.

Namun pada pandangan penulis, konsep ikonografi sesuai dalam membuat interpretasi terhadap karya yang dihasilkan dalam disiplin seni halus seperti catan, arca, seni cetak ataupun lukisan. Hal ini disebabkan teori yang dicanangkan oleh Panofsky bertujuan untuk mengkaji sejarah seni dan gaya sesebuah karya catan yang dihasilkan pada zaman Renaissance, Baroque, Rococo, Neoclastic dan Romanticism. Panofsky mengkaji hubungkait imej yang dilukis dengan agama Kristian serta peristiwa yang berlaku pada zaman tersebut. Walau bagaimanapun, Panofsky menerangkan interpretasi teori Ikonografi setiap individu adalah berbeza berpandukan kepada latarbelakang seseorang samada mempunyai pengetahuan yang luas dalam bidang seni atau sebaliknya, ia tidak semestinya perlu memahami apa yang cuba disampaikan oleh seseorang pelukis (*artiste*).<sup>24</sup>Panofsky (1939:9) menerangkan;

*“...events and expression depicted in a work of art may be unrecognizable owing to the incompetence of malice aforethought of the artist, it is, on principle, impossinle to arrive a correct pre-iconographical description, or identification of primary subject matter, by indiscriminately applying our practical ezperience to the work of art.”*

Menurut penulis, rujukan menggunakan teori Ikonografi terhadap hasil kraftangan tradisional terutamanya reka corak motif tidak sesuai memandangkan ia telah dihasilkan oleh pandai kraf yang terdahulu. Malah seseorang pengkaji tidak seharusnya membuat terjemahan dan interpretasi sendiri terhadap reka corak motif tersebut. Jika terjemahan dan interpretasi tersebut adalah berdasarkan daripada temubual bersama seseorang pandai kraf, ia masih perlu disokong dengan beberapa teori terutamanya ketika membuat analisa. Kajian penulisan dari<sup>25</sup>Faez Huzaimi dan Humin Jusilin (2018) menggunakan pendekatan ikonografi dalam mengkaji unsur spiritual terhadap karya catan pelukis Sabah. Faez dan Humin cuba memahami berdasarkan interpretasi sendiri terhadap unsur spiritual yang terdapat pada karya

---

<sup>24</sup> Erwin Panofsky (1939), *Studies in Iconology: Humanistic Theme in The Art of The Renaissance* (Icon Edition 1972), Westview Press, Oxford.

<sup>25</sup> Faez Huzaimi dan Humin Jusilin (2018), *Unsur Spiritual Dalam Karya Catan Pelukis Sabah Sabrina Majuakim*, *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah: Special Issue* (2018), hlm 266-272.

catan terpilih yang dihasilkan oleh Sabrina Majuakim. Walaupun secara amnya mereka telah membuat sesi temubual bersama pelukis tersebut, namun mereka bebas dalam membuat interpretasi dan terjemahan mereka secara peribadi dan ianya adalah *acceptional*.

| Floral Motifs |              |                  |   |   |            |               |              |                  |   |  |            |
|---------------|--------------|------------------|---|---|------------|---------------|--------------|------------------|---|--|------------|
| Name          | Illustration | Outline of motif | Meaning   | Remarks   | Sample no. | Name          | Illustration | Outline of motif | Meaning   | Remarks  | Sample no. |
| Bunga Cina    |              |                  | Women decoration<br>Symbol of friendliness in Malay culture.  | Bloom flowers, beautiful, fragrant, fresh and unique.<br>Often found in traditional Malay pantun about love   | 1          | Bunga Cempaka |              |                  | -Decoration on women hair and in traditional dance mayong.<br>-Symbol of welcoming guest and friendliness in Malay culture.<br>-Value on traditional medicine   | -Often found in traditional Malay pantun about love.<br>-Motifs in entrance door and hall banquet. | 4          |
| Bunga Melur   |              |                  | -Symbol of friendliness in Malay culture.<br>-Symbolise purity and cleanliness.<br>-Symbol of friendliness in Malay culture.  | -Bloom flowers, beautiful, fragrant, fresh and unique.<br>Often found in traditional Malay pantun about love.   | 2          | Bunga Kembang |              |                  | -Also value on traditional medicine.<br>-Grows in garden weeds and have been transformed through time and barely similar to their real life.  |  | 2          |
| Bunga Tanjung |              |                  | -Symbol of purity and nature.<br>-Symbol of welcoming guest and friendliness in Malay culture.<br>-Symbol of closeness of Malay people with nature and environment. | -Bloom flowers, beautiful, fragrant, fresh and unique.<br>Often found in traditional Malay pantun about love.<br>-Motif in banquet hall istana Negeras. | 1          | Bunga Kembang |              |                  |   |  | 5          |
| Bunga Teratai |              |                  | -Symbol of strength of faith, purity, fertility and harmony<br>-Symbol of purity and nature.<br>-Symbolize the universe and the earth.                              |   | 2          | Sular bayung  |              |                  | -Sular that bowed down mean relationship between human and God.<br>-Symbol of the belief that all the existence is tied to one source, Allah.<br>-Nature of sular is the Malay identity of respecting the kindness of people. |  | 5          |
|               |              |                  |   |   | 5          |               |              |                  |   |  | 4          |

**Gambarajah 02: Contoh Jadual 6 Bahagian Utama Analisa Motif Flora**  
Sumber Rujukan Dari Nurul Sayzlina (2016).

### Semiotik

Teori semiotik adalah cabang dari konsep *semiology* yang dibawa oleh Saussure. Berbeza dengan teori ikonografi yang mengkaji tentang imej, semiotik lebih fokus kepada kajian terhadap tanda/petanda (*sign*). Tanda/petanda dalam konteks semiotik bermaksud mesej yang disampaikan dalam bentuk bahasa visual atau tingkahlaku, analogi, metafora, kod (*code*), simbol, komunikasi, atau hal-hal yang berkaitan dengan pengajian linguistik. Contoh yang ketara dengan persekitaran kita seperti papan tanda, logo, tandatangan, lampu isyarat, angka, lambang salib atau lambang bulan sabit dan bintang, tanda *like* di Facebook, bentuk *love* di Instagram, kod pada bungkusan makanan atau minuman, jenama elektrik, ikon pejuang nasionalis, piala kemenangan dsb.<sup>26</sup> Secara umumnya, istilah *sign* memberi pelbagai makna yang dipengaruhi dari latar belakang tempat dan pendidikan atas faktor perbezaan budaya, bahasa komunikasi, tingkah laku sosial, psikologi, media, dan adat. Ironinya, tidak semua *sign* memberi makna yang sama walaupun terdapat beberapa simbol yang digunakan di tempat lain diseluruh dunia.

<sup>27</sup>Tiga cabang utama dalam teori semiotik adalah **semantik**, **sintaksis**, dan **pragmatik**. Menurut Chandler (2007), terdapat 2 fahaman yang jelas dan mudah untuk difahami iaitu fahaman dari Ferdinand Saussure dan fahaman dari Charles Pierce;

- **Fahaman Saussure:** *Sign, Signified dan Signifier*
- **Fahaman Pierce:** *Ikon, Simbol dan Indeks*

Teori semiotik kurang dirujuk sebagai kaedah dalam menganalisa sesebuah reka corak motif tradisional.<sup>28</sup> Namun, kaedah daripada Nuemann (1986) menunjukkan bahawa analisa yang beliau jalankan adalah berdasarkan dari teori semiotik dalam cabang semantik. Neumann membuat analisa terhadap struktur seni bina 31 buah rumah, ruang, dan reka corak motif pada dinding rumah. Seterusnya, Neumann membuat kiraan matematik untuk mendapatkan jumlah


<sup>26</sup> M.Iqbal Badaruddin (2017), Memahami *Myths, Sign dan Speculate* dalam Kaedah Kajian, E-katalog Pameran *Myth, Sign & Speculate* (Mach 2017), Kapallorok Art Space, Perak, hlm 5

<sup>27</sup> Chandler D. (2007) *Semiotic: The Basic* (2<sup>nd</sup> Edition), Taylor & Francis e-Library, dapatan dari [www.eBookstore.tandf.co.uk](http://www.eBookstore.tandf.co.uk).

<sup>28</sup> Naomi S.Neumann (1986), *Semiotics of Architectural Ornament: A Method of Analysis*, Arch. & Comport./Arch. & Behav., Vol. 3, n. 1, p. 37-53




ruang simetri dan ruang tidak simetri serta skala rumah. Ini bertujuan bagi mendapatkan angka yang tepat sebelum menghasilkan graf dan kemudian dikodkan kepada bahagian motif tersebut. Neumann akhirnya membahagikan kod motif tersebut kepada 3 bahagian iaitu Motif, Limiting Motif, dan Sub-Motif.<sup>29</sup>Rujuk gambarajah 02.



**Gambarajah 03: Sub-Graf Beberapa Kod Yang Diekstrak Dari Pintu Dan Tympanum.**  
Sumber rujukan dari Neumann (1986).

<sup>30</sup>Ismail Said (2002) juga menggunakan kaedah semantik dalam menganalisa reka corak motif ukiran pada ruang vernakular rumah tradisional Melayu di Semenanjung Malaysia iaitu di Kelantan, Terengganu, Perak, dan Negeri Sembilan. Reka corak motif yang menghiasi dinding rumah dinilai dari segi keseimbangan dan komposisi ruang dalam kiraan paksi. Ismail mendapati bahawa kombinasi reka corak motif yang menggunakan teknik ukiran tebus dengan sokongan pelbagai paksi adalah lebih menarik, teratur, dan mewujudkan sistem pengudaraan yang efisien.



**Gambarajah 04: Analisa Visual Dan Motif Yang Telah Didigitalkan (*Digitalized*) Menggunakan Perisian Autocad**

Sumber rujukan dari Nursuriani Shafee (2013).

<sup>31</sup>Selain itu, Nursuriani Shafee (2013) juga menggunakan kaedah semantik dalam menganalisa reka corak motif ukiran kayu tradisional di Kelantan dan Terengganu. Beliau membuat kajian terhadap 32 buah komponen ukiran kayu dari tahun 1840-an sehingga tahun 2000 dan mendapati bahawa terdapat 6 jenis motif flora yang berbeza iaitu Kelopak Hidup, Kelopak Dewa, Kelopak Maya, kombinasi antara Kelopak Hidup dan Kelopak Dewa, dan 2 motif berbentuk organik pada panel dinding yang melintang, panel dinding menegak, tingkap panel, dan panel pada pintu masuk. Nursuriani melakukan proses kajian dengan menangkap

<sup>29</sup> Ibid, *Tympanum*: Bentuk segitiga menegak atau separuh bulat yang menghiasi ruang bumbung rumah pada bahagian pintu depan.

<sup>30</sup> Ismail Said (2002), Visual Composition Of Malay Woodcarvings In Vernacular Houses Of Peninsular Malaysia, Jurnal Teknologi, 37(B) Dis. 2002: 43–52, Universiti Teknologi Malaysia.

<sup>31</sup> Nursuriani Shafeea & Ismail Said (2013), Types of Floral Motifs and Patterns of Malay Woodcarving in Kelantan and Terengganu, Asia Pacific International Conference on Environment-Behaviour Studies University of Westminster, London, UK, September 2013.

ukiran motif tersebut melalui perisian AutoCAD sebelum mencetaknya diatas sekeping kertas berwarna hitam/putih. Seterusnya, beliau membuat grid halus ke atas motif ukiran sebelum menghasilkan titik pada grid tersebut. Nursuriani kemudiannya membuat perbandingan dan persamaan terhadap 2 panel ukiran kayu yang dimiliki oleh Hj. Mohammad Dabah dan Tok Ku Paloh bagi mengenalpasti perkembangan reka corak motif dan jenis-jenis motif seperti nama asal motif tersebut, pengaruh dari China atau India, bilakah ia dihasilkan, dan adakah motif tersebut telah digunakan pada zaman sebelum kedatangan Islam. <sup>32</sup>Rujuk gambarajah 03.

Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa teori semiotik merupakan satu kaedah dalam membuat analisa reka corak motif tradisional yang mencakupi struktur ukuran dan kiraan tertentu serta analisa visual dengan bantuan perisian komputer.

### ***Kaedah KJ Method***

Kaedah ini pertama kali diperkenalkan oleh seorang ahli antropologi Jepun iaitu Profesor Kawakita Jiro pada tahun 1960-an dan telah digunakan dalam pelbagai bidang lain terutama dalam menyelesaikan masalah dalam sesebuah syarikat seperti yang dinyatakan oleh Kunifuji.

Kajian penulisan dari Tajulhadis (2011) dan Dewi Hardiningtyas (2016) menggunakan kaedah KJ Method sebagai salah satu teori pendekatan tersebut. <sup>33</sup>Tajulhadis telah mengkategorikan nilai estetik dan apresiasi terhadap reka corak komersil parang Borneo kepada 5 kategori dalam kerangka konsepnya iaitu gaya, estetika, bahan, perlambangan, dan keperluan. 5 kategori tersebut dihasilkan dengan mengekstrak sebanyak 169 kata kunci atribut reka bentuk asli berdasarkan temu bual Berpanduan Am serta soalan kaji selidik terhadap 30 orang responden yang merangkumi pandai besi dan pandai ukir parang Borneo, ahli akademik, dan pengumpul senjata tradisional.

<sup>34</sup>Manakala Dewi mengkaji keunikan reka corak batik Malangan untuk memahami kearifan pandai kraf (batik) dalam menterjemah dan memahami makna sesebuah reka corak motif batik tersebut berdasarkan kata kunci. Dewi kemudian mengekstrak dan menyenaraikan beberapa kata kunci daripada sejumlah 61 orang responden yang terdiri dari lelaki dan wanita yang berusia antara 25 tahun, 30 tahun dan 50 tahun. Jumlah tersebut membantu Dewi untuk menilai interpretasi makna sesebuah reka corak motif batik berdasarkan pandangan pandai kraf lelaki dan wanita mengikut usia masing-masing.

Kaedah *KJ Method* juga digunakan dalam reka corak produk secara emosi (*emotion design-product*) dalam bidang komputer dan sains matematik. <sup>35</sup>Penilaian emosi diukur menggunakan *KJ Method* terhadap *Human-Computer Interaction* dan *Cognitive Ergonomics* melalui 820 kata kunci dan kemudian dibahagikan mengikut kumpulan sebelum disahkan.

---

<sup>32</sup> ibid

<sup>33</sup> M.Tajulhadis Ab Halim (2011), Penambahbaikan Reka Bentuk Asli Parang Borneo Dari Aspek Semantik Kepada Reka Bentuk Komersil, tesis sarjana Seni Reka Perindustrian, Fakulti Seni Gunaan & Kreatif, Unimas, Sarawak, hlm 50

<sup>34</sup> Dewi Hardiningtyas, Ishardita Pambudi Tama, Agustina Eunike dan Debrina P. Andriani (2016), Studi Faktor Kansei Pada Produk Berbasis Kearifan Lokal (Studi Kasus: Batik Malangan), *Jemmis* Vol.4 no.2, 2016, dapatan dari [www.researchgate.net/publication/315318722](http://www.researchgate.net/publication/315318722), hlm 152-157.

<sup>35</sup> Anitawati Mohd Lokman, Kamalia Azma Kamaruddin, *Kansei Affinity Cluster for Affective Product Design*, 2010 International Conference on User Science Engineering (i-USER).

### ***Semantic Differential***

*Semantic Differential* adalah kaedah dalam sesebuah kajian yang dilakukan terhadap sesebuah reka corak motif tradisional dan dibahagikan mengikut kategori tertentu.<sup>36</sup> Kaedah ini berasal dari teori semantik iaitu istilah yang digunakan dalam membuat kajian makna dan ia adalah sebahagian daripada pengajian linguistik (Palmer, 1989).<sup>37</sup> Kaedah ini mula dikembangkan oleh Osgood (1957) dalam membuat pengkelasan atau pengredan berangka terhadap sampel kajian. Walaupun kaedah ini dijalankan dalam bentuk kajian kuantitatif namun ia juga boleh dijalankan dalam bentuk kajian kualitatif. Contohnya, kajian dari Achmad (2007) dalam mengkaji baju batik Jawa Barat dan Tajulhadis (2011) yang mengkaji nilai komersil terhadap parang Borneo. Kedua-dua kajian ini membuat analisa terhadap reka corak motif tradisional yang terdapat pada batik Jawa Barat dan parang Borneo dengan mengelaskan reka corak motif tradisional tersebut kepada 5 bahagian utama berdasarkan dari temu bual mendalam dengan seorang adiguru pandai kraf (Achmad, 2007 dan Tajulhadis 2011). Proses seterusnya adalah dengan menemubual responden lain seperti golongan pandai ukir, ahli akademik, dan pengumpul seni.<sup>38</sup> Analisa daripada Dewi (2016:155) adalah berdasarkan daripada kata kunci yang telah diekstrak berdasarkan temubual bersama responden dikalangan pandai kraf (batik). Seramai 61 orang responden telah ditemubual dan hasil kajian tersebut, Dewi dapat mengenalpasti nilai apresiasi batik Malangan amat cenderung kepada variasi, menarik, special, bagus, kreatif, harmonis, ramai, berani, dinamis, bangga, dan penuh.

Selain itu, Dewi juga menggunakan pendekatan SD untuk mengkaji makna intrinsik terhadap reka corak batik Malangan sebagai sampel kajian.

Kaedah yang dijalankan dilihat lebih tepat memandangkan reka corak motif yang dihasilkan adalah secara langsung dari adiguru pandai kraf ataupun individu yang menghasilkan motif tersebut.

### ***Konsep Keindahan Dalam Seni Islam***

Konsep keindahan atau '*beauty*' telah dibincangkan sejak berkurun lamanya oleh tokoh falsafah di seluruh dunia.<sup>39</sup> Kajian dari Otto (1993) menyatakan bahawa perbincangan dan perdebatan mengenai konsep ini dalam kalangan tokoh falsafah telah dikenal pasti sejak zaman klasik seperti Plato dan Aristotle sehingga era awal zaman Empirikal British; Kant, Hegel, Schopenhauer, Winkelmann, Al-Ghazali, Al-Faruqi dan ramai lagi. Secara asasnya, keindahan dapat didefinisikan sebagai hal-hal yang menarik, cantik, dan memberi kesenangan kepada pancaindera manusia sehingga menyukainya. Namun, ia sangat subjektif dan mempunyai perspektif yang pelbagai mengikut latar belakang seseorang individu. Melalui konsep keindahan ini, wujudnya nilai estetik dan nilai apresiasi terhadap objek seni dan teori analisa lain.

Konsep keindahan dalam seni Islam merupakan satu cabang ilmu yang menilai apresiasi seni terutama yang berkaitan dengan agama Islam.<sup>40</sup> Sejarah ringkas seni Islam telah wujud sekitar abad 661 hingga 750 Masehi di Syria dibawah pemerintahan khalifah-khalifah

---

<sup>36</sup> M.Tajulhadis Ab Halim (2011), Penambahbaikan Reka Bentuk Asli Parang Borneo Dari Aspek Semantik Kepada Reka Bentuk Komersil, hlm 20.

<sup>37</sup> Achmad Arief & Yan Sunarya (2007), The Semantics of "New" Batik Clothes: Identifying Users' Perception on the Colors and Patterns of Newly Developed West Javanese Batik Clothes, ITB J. Vis. Art. Vol. 1 D, No. 3, 2007, 319-32, Bandung Institute of technology, dapatan dari: <https://www.researchgate.net/publication/267554012>, hlm 321.

<sup>38</sup> Dewi Hardiningtyas, Ishardita Pambudi Tama, Agustina Eunike dan Debrina P. Andriani (2016), Studi Faktor Kansei Pada Produk Berbasis Kearifan Lokal (Studi Kasus: Batik Malangan), hlm 155.

<sup>39</sup> Verena D.Donne (2010), How Can We Explain Beauty? A Psychological Answer to A Philosophical Question, proceeding of European Society for Aesthetics, vol 2, hlm 89-96.

<sup>40</sup> Dzul Haimi Md. Zain (2003), Seni Islam, Univision Press, Bt Caves, Selangor D.E. hlm 13

Umayyah. Dzul Haimi (2004) menyatakan seni Islam wujud kerana kesan peralihan daripada seni Mediterranean dan seni Byzantine.

Hal yang paling ketara dalam seni Islam adalah nilai Tauhid iaitu mengesakan diri kepada Allah S.W.T. <sup>41</sup>Al-Ghazali dalam bukunya bertajuk *Kimiya As-Sa'adah* menerangkan dengan terperinci tentang kewujudan konsep keindahan dalam nilai Tauhid berkemampuan menghasilkan sesebuah karya seni Islam yang mana disebaliknya terdapat keindahan dalaman dan keindahan luaran. <sup>42</sup>Dzul Haimi (2004) dalam kajiannya menyatakan bahawa para pengkarya seni yang beragama Islam menghasilkan sesebuah hasil seni sebagai salah satu konsep berdakwah. <sup>43</sup>Oleh kerana wujudnya konsep dakwah, hujahan dari Ismail Al-Faruqi menjelaskan nilai estetik Islam harus dirumuskan kepada sifat transcendental dan sifat natural. Lamy Al-Faruqi (1985) dan Oleg Grabar (1989) pula membincangkan bahawa selain bersifat abstrak, ciri-ciri seni Islam juga bersifat formalistik yang menekankan kehalusan seperti pengulangan dan reka corak motif yang kompleks sehingga wujud nilai 'infinity'. Hal yang demikian telah mendidik para pengkarya seni Islam dalam menghasilkan hasil seni melalui *proses peniruan, denaturalisasi, penggayaan, dan abstrak* (Lamy Al-Faruqi 1985, Dzul Haimi 2004, dan Norzehan 2009).

<sup>44</sup>Contoh kajian penulisan oleh Ros Mahwati Zakaria (2018) yang merujuk artikel dari Lamy Al-Faruqi bertajuk *Ornamentation in The Islamic Arts: Its Function and Structures* (1989) tentang proses kreativiti dalam Islam. Ros Mahwati mengkaji bentuk hiasan mahkota pada bumbung som pecah empat di beberapa buah masjid tradisional Melaka. Ros Mahwati melihat hubung-kait rekaan mahkota dengan beberapa elemen yang ditiru seperti bentuk piramid yang bersegi dan bertingkat serta imitasi daripada mahkota yang dipakai oleh seseorang raja. Proses imitasi tersebut kemudian digayakan berdasarkan pengaruh faktor agama, budaya dan seni tempatan. Antara perhiasan yang diukir adalah motif Bunga Teratai, motif Sulur Bayung, motif kosmik dan motif Sesulur. Ros Mahwati kemudian menterjemah makna sesebuah rekaan mahkota berdasarkan interpretasi agama, budaya dan warisan setempat.

4 proses kreativiti dalam seni Islam biasanya disampaikan oleh para pengkarya melalui reka corak motif dan reka corak sebelum diaplikasikan pada permukaan tertentu seperti dinding mozek masjid, karpet, seramik, barang kraf logam dan tembaga, manuskrip, dan catan miniatur. Manakala, hasil seni dari pandai kraf Melayu lebih menggabungkan proses kreativiti seni Islam dengan 6 prinsip estetik Melayu seperti yang disarankan oleh Zakaria Ali (1989).

### *Nilai Estetik Dalam Kesenian Melayu*

Seperti yang dibincangkan mengenai seni Islam, nilai estetik kesenian Melayu juga mempunyai beberapa prinsip sama ada untuk menilai ataupun menghasilkan sesebuah hasil seni. Menurut Zakaria Ali (1989), terdapat 6 prinsip utama dalam nilai estetik kesenian Melayu (Ali Ab. Rahman 2004, Sumardianshah 2012, dan Zulkifli Yusoff 2016);

---

<sup>41</sup> Lihat penulisan dari Ali Ab. Rahman (2004), yang merujuk buku Al-Ghazali bertajuk *Kimiya As-Sa'adah* atau *Kimia Kebahagiaan* dalam *Falsafah Seni dan Estetik*, hlm 22-25.

<sup>42</sup> Dzul Haimi Md. Zain (2003), *Seni Islam*.

<sup>43</sup> M. Ali Ab. Rahman (\*2004), *Falsafah Seni dan Estetik: Kajian Perbandingan Estetik Islam Timur & Barat*, \*Jab. Pengajian Liberal, FSSR, UiTM Shah Alam.

<sup>44</sup> Ros Mahwati A. Zakaria, Siti Nor Azhani Mohd Tohar & Rabiah Abdul Rahman (2018), *Warisan Ketara Seni Islam Tempatan: Mahkota Atap Masjid Tradisional Melaka*, *Asian Journal of Environment, History and Heritage* June 2018, Vol. 2, Issue. 1, p. 185-196, Malay Arts, Culture and Civilization Research Centre, Institute of the Malay World and Civilization.

- *Prinsip Berhalus*                      - *Prinsip Bersatu*                      - *Prinsip Bermakna*
- *Prinsip Berlawan*                      - *Prinsip Berguna*                      - *Prinsip Berlambang*

6 prinsip di atas merupakan teori yang kerap digunakan dalam membuat penilaian estetik terhadap hasil kesenian Melayu seperti ukiran kayu, motif reka corak batik, seramik, senjata tradisional Melayu, pakaian dan kain tradisional, aksesori logam dan tembaga, perahu tradisional Melayu, seni bina, perabot dan peralatan rumah dsb.

Namun, Ali Ab. Rahman mengingatkan kepada kita bahawa sesetengah motif reka corak Melayu ini dipengaruhi dan dihasilkan semasa zaman Hindu-Buddha dan pra-Islamik serta mempunyai pengaruh luar seperti Indonesia dan Indochina. Oleh itu, tidak hairanlah jika motif reka corak Melayu juga mempunyai nilai sinkretisme dan akulturasi antara budaya dan agama seperti kepercayaan, pantang larang, adat resam, aktiviti ritual dan persembahan, jampi serapah dan mantera, serta kosmologi.<sup>45</sup> Menurut Nakula;

*“Tumbuh hendaklah berpunca, punca itu rahsia, tajam tidak menerjah lawan, lilit tidak memeluk lawan, tetapi berlegar mesra”* - (\*Balai Seni Lukis Negara, 2008).

Penyataan tersebut menjelaskan tentang falsafah ukiran Melayu yang mempunyai metafora terhadap kebudayaan, ketuhanan, dan kehidupan seharian. Hal ini kerana penilaian terhadap reka corak motif biasanya disokong oleh teori lain seperti konsep keindahan seni Islam dan teori ikonografi kerana ia melibatkan interpretasi makna tersurat dan makna tersirat (Haziyah 2012, Nursuriani 2013, dan Zulkifli 2016).

<sup>46</sup>Rabiatuadawiyah (2018) merujuk teori Zakaria Ali dalam membuat analisa terhadap kajian blok batik bersubjekkan fauna di Malaysia antara tahun 1960an sehingga 2017. Rabiatuadawiyah cuba mengenalpasti simbol dan falsafah melalui nilai reka bentuk blok batik yang beridentitikan Melayu walaupun bentuk blok tersebut merujuk subjek fauna. Subjek fauna yang dirujuk dibahagikan kepada haiwan yang memang wujud dan haiwan dari mitologi Melayu seperti burung, rama-rama, burung Phoenix, cicak, ikan dan kuda. Reka bentuk blok batik ini masih boleh diterima (*acceptable*) dengan pengayaan yang pelbagai. Walaubagaimanapun, Rabiatuadawiyah membuat analisa tipologi agar sampel tersebut dianalisa secara teratur dan sistematik, seperti klasifikasi dan karektor blok batik dari beberapa tempat di Malaysia.

### ***Teori dan Kaedah Lain***

<sup>47</sup>Walaubagaimanapun, Tylor (2013) menyatakan kajian yang sesuai dalam menilai sesebuah rekaan motif yang terdapat pada sesebuah kebudayaan adalah antropologi simbolik dan interpretasi seperti yang disarankan oleh Clifford Geertz, David Schneider dan Victor Turner.<sup>48</sup> Hal ini dipersetujui oleh Chandler (2007) dan Tajulhadis (2011) yang menyatakan teori semiotik dan semantik adalah antara cabang yang terhasil dari antropologi simbolik dan interpretasi kerana melibatkan agama, budaya, tarian, kraf dan adat resam.<sup>49</sup> Menurut

<sup>45</sup> Abdullah Mohamed atau Nakula (1980 & 2008) dalam satu temu bual bersama Wan Musa b. Wan Yusuf. Nakula juga menyatakan dalam konsep zat (*divine essence*) dalam falsafah seni ukir Melayu, terdapat ilmu Al-Kalam dan ilmu Martabat Tujuh. Zulkifli Yusof (2016), *The Ornamental Design of Traditional Malay Utensils*, hlm 3-4.

<sup>46</sup> Rabiatuadawiyah Binti Mohd Kari1, Mohd Azhar Samin2, Rafeah Legino3, Herwandi4, Handoko5 (2018), *The Sustainability's Motif and Design of Fauna in Malay Block Batik*, IConShel 2018, September 05-06, Padang, Indonesia, hlm 5.

<sup>47</sup> Edward B. Tylor dalam En.wikibooks.org (2013), *Cultural Anthropology (online Edition)*, Creative Commons Attribution-ShareAlike, dapatan dari [http://de.wikibooks.org/wiki/Benutzer:Dirk\\_Huenniger/wb2pdf](http://de.wikibooks.org/wiki/Benutzer:Dirk_Huenniger/wb2pdf).

<sup>48</sup> Rujuk buku dari *Semiotic The Basic (Edisi kedua)* oleh Chandler D.(2007) mengenai semiotik dari sudut pandangan Peirce dan Saussure dan tesis disertasi oleh M.Tajulhadis (2011) yang merujuk penulisan dari Kawakita Jiro tentang semantic dalam *Affinity Diagram*.

<sup>49</sup> Fendi Adiatmono (2017), *The Weapons Kingdom of Gorontalo*.

Feldman, terdapat 4 jenis gaya dalam menilai sesebuah produk kraf iaitu peniruan, bentuk, emosi dan fantasi.

<sup>50</sup>Konsep *Kunstwollen* atau *Artwill* merupakan satu teori yang diperkenalkan oleh Alois Reigl pada awal abad ke-19. Menurut Neher, konsep *Kunstwollen* adalah antara terma seni yang menggunakan bahasa German dan banyak memfokuskan kepada objek seni. Ia sangat berbeza dengan teori Ikonografi oleh Panofsky. <sup>51</sup>Melalui kajian terhadap objek seni, secara tidak langsung telah membawa kita mengkaji tentang nilai sejarah yang terdapat pada objek tersebut. <sup>52</sup>Malah ia juga digunakan dalam membuat perbandingan dengan karya seni catan serta bidang seni yang lain seperti seramik dan tekstil.

### Kesimpulan

Keunikan reka corak motif tradisional yang wujud dalam alam Melayu telah menggalakkan banyak penulisan ilmiah seperti jurnal dan makalah. Ia merupakan satu kaedah dalam mendokumentasi dan mewujudkan nilai apresiasi terhadap keunikan reka corak motif tradisional ini. Walau bagaimanapun, nilai apresiasi terhadap reka corak motif ini dianalisa menggunakan pelbagai kaedah kerana terdapat persamaan dan perbezaan dari segi interpretasi makna. Melalui kajian ini, penyelidik mendapati bahawa teori yang sering dirujuk dalam membuat analisa adalah teori dari Zakaria Ali dan 4 proses kreativiti dalam seni Islam. Hal ini kerana kedua-dua teori ini amat berkait rapat dengan falsafah reka corak motif tradisional Melayu. Teori lain yang sering dirujuk adalah ikonografi dan semiotik namun ia bergantung kepada kajian sesebuah penulisan sama ada ingin menilai sesebuah reka corak motif dengan cara kritikan seni atau melalui hubung kait antara hasil kraf dengan sejarah budaya sesebuah bangsa. Walaupun begitu, para penyelidik haruslah menemubual golongan pandai kraf terlebih dahulu sebelum membuat analisa terhadap motif tersebut. Hal ini kerana kebanyakan pandai kraf yang menghasilkan motif tradisional tidak merujuk mana-mana teori atau kaedah tertentu sebaliknya membuat interpretasi dan analisa berdasarkan pembelajaran dengan adiguru sebelum ini yang banyak merujuk kepada konsep ketuhanan. Oleh itu, setiap penyelidik bebas untuk membuat tafsiran dan analisa mengikut skop kajian masing-masing.

<sup>53</sup>Gambarajah 04 adalah analisa dari pandai ukir Melayu iaitu En. Zarir Hj. Abdullah. Berdasarkan perkongsian daripada beliau, penyelidik berpendapat bahawa falsafah dan elemen ukiran motif biasanya diajar oleh adiguru pandai ukir sebelumnya agar dapat menilai dan menginterpretasi makna sesebuah reka corak ukiran kayu dengan lebih efisien dan praktikal terutama ketika menghasilkan karya ukiran sendiri.



**Gambarajah 04: Contoh elemen yang terdapat pada ukiran kayu Awan Larat Melayu**  
Sumber dari En. Zarir Hj. Abdullah (2019), pandai ukir Melayu Kg. Raja, Besut, Terengganu.

<sup>50</sup> Olin M (1989), Form of Respect: Alois Riegl's Concept of Attentiveness, The Art Bulletin, Jun 1989, Vol Lxxi, no.2.

<sup>51</sup> Neher A (2000), Paofsky, Cassier & Perspective as Symbolic Form, Tesis Phd (sebelum diterbitkan) Program Kemanusiaan Ijazah Sarjana Kedoktoran, Universiti Corcordia, Montreal, Quebec, Canada.

<sup>52</sup> Tessel M. Bauduin (2017), Fantastic Art, Barr, Surrealism, Journal of Art Historiography Number 17 December 2017, Isu no.17.

<sup>53</sup> Perkongsian bersama pandai ukir Melayu, En. Zarir Hj. Abdullah dari Besut, Terengganu. Perbincangan ringkas mengenai elemen yang terdapat pada ukiran kayu awan larat Melayu dan kaedah analisa dari perspektif pandai ukir (Februari 2019).

## Rujukan

- Achmad Arief & Yan Sunarya (2007). The Semantics of "New" Batik Clothes: Identifying Users' Perception on The Colors and Patterns of Newly Developed West Javanese Batik Clothes, *ITB J. Vis. Art.* Vol. 1 D, No. 3, 2007, 319-32, Bandung Institute of technology, dapatan dari [www.researchgate.net/publication/267554012](http://www.researchgate.net/publication/267554012).
- Anne D'Alleva (2005), *Methods & Theories of Art History*, Laurence King Pub, UK
- Anitawati Mohd Lokman, Kamalia Azma Kamaruddin (2010). *Kansei Affinity Cluster for Affective Product Design*, International Conference on User Science Engineering (i-USER).
- Dewi Hardiningtyas, Ishardita Pambudi Tama, Agustina Eunike dan Debrina P. Andriani (2016), Studi Faktor Kansei Pada Produk Berbasis Kearifan Lokal (Studi Kasus: Batik Malangan), *Jemis* Vol. 4 no. 2 tahun 2016, dapatan dari <https://www.researchgate.net/publication/315318722>
- Dzul Haimi Md. Zain (2003). *Seni Islam*, Univision Press, Bt Caves, Selangor.
- Erwin Panofsky (1939), *Studies in Iconology: Humanistic Theme in The Art of The Renaissance* (Icon Edition 1972), Westview Press, Oxford.
- Faez Huzaimi dan Humin Jusilin (2018), Unsur Spiritual Dalam Karya Catan Pelukis Sabah Sabrina Majuakim, *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah: Special Issue* (2018), hlm 266-272.
- Johari Ab Hamid (2004), *Falsafah dan Kritikan Seni*, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tg. Malim, Perak.
- Katijah Sanusi (1999). *Islamization of the Art: Issues and Challenges – Semurni*, FSSR UiTM, Shah Alam.
- Farit A. Musa (2018). Bentuk dan Motif Pada Senjata Tradisional Masyarakat Bajau Sama di Kota Belud, Sabah, tesis Ijazah Sarjana Sastera, Fakulti Kemanusiaan, Seni & Warisan, UMS, K. Kinabalu, Sabah.
- Liza Marziana et al (2015). Analisis Formalistik Dalam Memaknai Simbol Budaya Melayu Abstrak, *ResearchGate*, dapatan dari <https://www.researchgate.net/publication/290867518>.
- Lois Ibsen Lamy Al-Faruqi (1985). *Islam & Arts*, National Hijra Council, Islamabad, Pakistan.
- M.Ali Ab. Rahman (2004). *Falsafah Seni dan Estetik: Kajian Perbandingan Estetik Islam Timur & Barat*, Jab.Pengajian Liberal, FSSR, UiTM Shah Alam.
- M.Iqbal Badaruddin (2017). Memahami Myths, *Sign dan Speculate* dalam Kaedah Kajian, E-katalog Pameran *Myth, Sign & Speculate* (Mach 2017), Kapallorek Art Space, Perak.
- M.Tajulhadis Ab Halim (2011). Penambahbaikan Reka Bentuk Asli Parang Borneo Dari Aspek Semantik Kepada Reka Bentuk Komersil, tesis sarjana Seni Reka Perindustrian, Fakulti Seni Gunaan & Kreatif, Unimas, Sarawak.
- Mohd Nazri Ahmad (2016). *Falsafah Seni Ukiran Kayu Melayu*, tesis Ijazah Doktor Falsafah, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, KL
- Muliyadi Mahamood (1993). *Mendekati Seni Lukis dan Seni Reka*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Norzehan et al (2009). *Seni Kraf Kayu: Motif dan Teknik*, Institut Kraf Negara, Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia, Kementerian Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, KL, Malaysia.
- Nurul Syazlina M. Yusof et al (2016). Traditional Kelantanese Portals: A Study of Form and Content, *INTI- Jurnal Perintis Pendidikan*, jilid 21 (bil.01) Jan – Jul 2016, FSSR, UiTM, S. Alam.
- Nursuriani Shaffeea & Ismail Said (2013). Types of Floral Motifs and Patterns of Malay Woodcarving in Kelantan and Terengganu, *Asia Pacific International Conference on*

- Environment-Behaviour Studies University of Westminster, London, UK, September 2013.
- Otto Ocvirk et al (2008). *Art Fundamentals: Theory & Practice* (11<sup>th</sup> Edition), McGraw-Hill Education, NY, USA.
- Rabiatuadawiyah Binti Mohd Kari<sup>1</sup>, Mohd Azhar Samin<sup>2</sup>, Rafeah Legino<sup>3</sup>, Herwandi<sup>4</sup>, Handoko<sup>5</sup> (2018), *The Sustainability's Motif and Design of Fauna in Malay Block Batik*, IConShel 2018, September 05-06, Padang, Indonesia.
- Rasid Ismail dan Ahmadrashidi Hasan (2012). *Keindahan Dalam Reka Bentuk Motif Seni Hiasan Fabrik Tradisional Melayu*, The 9th Regional Symposium of The Malay Archipelago 2012 (SIMPOSIUM NUSANTARA 9 2012) Disember, Perak, Malaysia.
- Rosalind Ragans (2005). *Art Talk* (4<sup>th</sup> Edition), Glencoe/McGraw-Hill, Woodland Hills, CA, USA.
- Susumu Kunifuji (2013). *A Japanese problem-solving approach: the KJ-Ho method*, Proceedings of KICSS'2013, pp. 333-338 Progress & Business Publishers, Kraków
- Sugeng Riyanto (2016). *BATIK CANDI: Motif Batik Bersumber Pada Unsur Dekoratif Candi dan Arca di Prambanan dan Sekitarnya*, Jurnal Widya Prabha, 05/V/2016 1, Yogyakarta, Indonesia.
- Shaliza Dasuki, Liza Marziana, Nurkhazilah Idris, Nurhasliza Abd dan Salmah Ali (2017), *Budaya Kebangsaan Dalam Karya-Karya Seni Kartun Editorial Pra dan Pasca Merdeka*, hlm 5, dapatan dari <https://www.researchgate.net/publication/319351801>
- Verena D. Donne (2010). *How Can We Explain Beauty? A Psychological Answer to A Philosophical Question*, proceeding of European Society for Aesthetics, vol 2
- Zulkifli M. Yusoff et. al (2016). *The Ornamental Design of Traditional Malay Utensils (Kukuran) in Peninsula Malaysia*, open source journal, SHS Web of Conferences 23, 0 00 (201 ), EDP Science 2016, dapatan dari <http://dx.doi.org/10.1051/shsconf/20162301004>.
- (2001). *Seni Lukis Moden Malaysia: Era Perintis hingga Era Pluralis*. Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors Sdn Bhd.
- (2010). *Dunia Kartun: Menyingkap Pelbagai Aspek Seni Kartun Dunia & Tempatannya*, Kuala Lumpur: Creative Enterprise.
- (2016). *Ruzaika Omar Basaree Dalam Konteksnya: Transformasi Tradisi Dalam Seni Kontemporari*, buku pameran Ruzaika Omar Basaree: Simbiosis Keharmonian Seni Tradisional & Seni Digital Kontemporari, Balai Seni Visual Negara, LPVSN, KL.